

KALIMAH ALLAH MENURUT PERBAHASAN LINGUISTIK DAN TEOLOGI

Oleh

Wan Haslan Khairuddin*
Dr. Indriaty Ismail*

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan isu tuntutan penggunaan kalimah Allah SWT oleh penganut Kristian di Malaysia dan keabsahannya menurut linguistik dan teologi. Isu-isu perbincangan artikel ini ialah terminologi Allah menurut perbincangan linguistik; konsep ketuhanan dalam agama-agama; dan kesahan penggunaan kalimah Allah dalam agama-agama. Metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini ialah kajian analisis kandungan dan sumber bahan primer yang menjadi asas dalam kajian ini ialah al-Quran, Bible dan penulisan-penulisan yang berkaitan. Kesimpulannya, artikel ini merumuskan bahawa perkataan Allah adalah khusus dan hanya merujuk kepada Tuhan yang bersifat dengan konsep monoteisme mutlak atau *absolute monotheism* (i.i. kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu yang tiada sekutu). Justeru, penggunaan kalimah Allah yang merujuk kepada konsep ketuhanan selain konsep monoteisme mutlak dianggap menyalahgunakan kalimah suci ini.

Kata kunci: Islam, Kristian, Bible, Allah, kalimah Allah, isu kalimah Allah.

PENDAHULUAN

Polemik isu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam telah mencetuskan ketegangan di kalangan masyarakat Malaysia khususnya bagi penganut agama Islam dan Kristian (Md. Asham Ahmad 2010; Amriah Buang 2010; INMIND 2010). Isu ini bukanlah sesuatu yang baharu tetapi telah bermula seawal tahun 80-an sehinggalah dicetuskan semula pada awal tahun 2013. Pada 5 Disember 1986 Kabinet Malaysia telah memutuskan larangan penggunaan kalimah Allah, Kaabah, Baitullah dan Solat oleh bukan Islam. Pada 1 November 2006 dan kemudian 3 Januari 2008, Kabinet telah memutuskan keputusan larangan menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan akhbar-akhbar bagi semua agama kecuali Islam. Pada 5-7 Mei 2008, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia

*Calon Doktor Falsafah (Ph.D), Jabatan Usuluddin (JUF), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pensyarah, Jabatan Usuluddin, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. E-mail: wanhaslan@kuis.edu.my atau whk83@yahoo.com. Telefon bimbit: +60125471824.

**Pensyarah Kanan dan Ketua JUF, FPI, UKM. E-mail: indriaty@ukm.my. Telefon bimbit: +60172190502.

Kali Ke-82 bersidang membincangkan isu tuntutan penganut Kristian terhadap penggunaan kalimah Allah dan memutuskan lafaz kalimah Allah adalah khusus bagi agama dan umat Islam. Pada 27 Januari 2010, pewartaan bahawa kalimah Allah adalah khusus bagi agama dan umat Islam serta tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam. Akhirnya, pada tahun 2013, isu tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam dicituskan semula.

Polemik kemudian dicituskan semula pada 31 Disember 2007, Paderi Lawrence Andrew, Pengarang akhbar Herald-The Catholic Weekly mendakwa bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperbaharui permit penerbitan akhbar itu tanpa larangan menggunakan kalimah Allah. Kabinet kemudian pada 3 Januari 2008 menegaskan bahawa larangan bagi semua agama kecuali Islam daripada menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan akhbar masing-masing adalah dikekalkan. Sehingga pada 9 Mac 2008, Gereja Katolik memohon Mahkamah Tinggi untuk melakukan semakan kehakiman dan pada 5 Mei 2008, Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas) keputusan membenarkan permohonan Gereja Katolik untuk membuat semakan.

Polemik isu tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam ini kemudian mencetuskan perbincangan ahli akademik dan para pakar di dalam pelbagai bengkel, seminar dan muzakarah. Akhirnya pelbagai sesi penerangan diadakan sama ada melalui media elektronik dan media cetak. Buku, risalah dan brosur banyak ditulis dan diedarkan bagi tujuan ini (Zulkifli Mohamad al-Bakri dll 2013; Ahmad Dzikran 2013; MAIS 2013). Namun, setelah penulis meneliti dan mengkaji tulisan-tulisan berkaitan isu tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam ini, maka penulis merasakan bahawa penghujahan yang dibawakan lebih bersifat berkecenderungan terhadap Islam. Justeru, penulis cuba membincangkan isu keabsahan penggunaan kalimah Allah SWT oleh bukan Islam dari sudut lain iaitu menurut perbahasan linguistik dan teologi.

TERMINOLOGI ALLAH MENURUT PERBAHASAN LINGUISTIK

Kalimah Allah yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab atau digunapakai oleh masyarakat Arab dan seluruh masyarakat Islam di seluruh dunia tanpa terhad kepada mana-mana negara atau bangsa. Semua Muslim di seluruh dunia menyebutkan bahawa Tuhan mereka itu "Allah" sama ada yang berada di benua Afrika, Amerika Selatan, Amerika Utara, Antartika, Asia, Eropah atau Oceania. Justeru, maksud lafaz perkataan Allah itu perlu dirujuk

kepada bahasa asalnya iaitu Bahasa Arab atau kepada masyarakat yang dominan menggunakannya (Muhammad Arifin Ismail & Khalif Muammar 2013).

Maksud perkataan Allah menurut Bahasa Arab

Menurut Ibn Kathir (2000: 37-38), "Allah" ialah nama khas ('*alam*) bagi Tuhan, nama agung yang bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan sebagaimana sifat-sifat Allah SWT di dalam surah *al-Hasyr* 22-24 dan sifat-sifat daripada 99 *Asmā' al-Husna* serta ia adalah nama yang tidak pernah dinamakan kepada selain-Nya Yang Maha Agung lagi Maha Tinggi. Ibn Kathir menukulkan dua pandangan ahli Bahasa Arab berkaitan asal usul lafaz perkataan "Allah" iaitu:

Pertama, lafaz perkataan Allah ialah *isim jāmid* iaitu kata nama yang tidak diambil daripada perkataan lain dan mengandungi maksud sesuatu sifat seperti contoh perkataan mala'ikah iaitu malaikat, qalam iaitu pen dan sakhrāh iaitu batu.

Ibn Kathir menukulkan daripada al-Qurtubi bahawa di kalangan ulama antaranya ialah al-Shafi'i, al-Khattabi, Imam al-Haramain, al-Ghazali dan lain-lain bahawa al-Khalil dan Sibawaih mengatakan huruf lam dan alif pada lafaz perkataan Allah itu lazim iaitu mesti dipakai dan ia adalah asal perkataan. Hujah yang dibawa ialah seruan Ya Allah tidak sebagaimana Ya al-Rahman yang tidak boleh diseru sedemikian. Sekiranya huruf lam dan alif pada lafaz perkataan Allah itu bukan asal kalimah maka tidak boleh diseru sedemikian. Kerana menurut kaedah bahasa Arab perkataan seruan "Yā" tidak boleh dimasukkan pada perkataan yang ditambah dengan alif dan lam seperti al-Rahman.

Kedua, lafaz perkataan Allah ialah *isim mushtāq* iaitu kata nama yang terjadi atau diambil dari perkataan lain dan mengandungi maksud sesuatu sifat seperti contoh perkataan 'ālim diambil daripada perkataan 'ilm yang mengandungi maksud orang yang berilmu.

Ibn Kathir menukulkan pandangan bahawa lafaz perkataan Allah itu *isim mushtāq* daripada asal perkataan berikut:

- Perkataan *aliha* (alif/hamzah, lam dan ha'), *ya'lahu* (ya', hamzah, lam dan ha'), *ilāhatan* (alif/hamzah, lam, alif, ha' dan ta') *wa ta'alluhan* (ta', hamzah, lam, ha' dan alif).

Hujah yang dibawa ialah kata-kata yang dinisbahkan kepada Ru'bah bin al-'Ajjāj dan tafsiran Ibn Abbās yang dipegang oleh Mujāhid dalam lain-lain terhadap ayat *al-A'raf* 7:127 iaitu lafaz *wa yazaraka wa ālihataka* ("meninggalkanmu Firaun

serta apa-apa yang dipuja olehmu?") dengan bacaan *wa yazaraka wa ilāhataka* dengan maksud *ibādataka* iaitu menyembahmu.

Hujah lain ialah ayat *al-An'am* 6:3 *wa huwa Allāh fī al-samāwāt wa fī al-ard* ("Dan Dia lah Allah yang disembah dan diakui kekuasaanNya di langit dan di bumi") dan ayat *al-Zukhruf* 43:84 *wa huwa allazī fī al-samā' ilāh wa fī al-ard ilāh* ("Dialah yang berhak disembah di langit, dan Dialah Tuhan yang berhak disembah di bumi").

- Perkataan *ilāh* (alif/hamzah, lam, alif dan ha'). Dinukilkan daripada Sibawaih daripada al-Khalīl bahawa lafaz perkataan Allah itu daripada *ilāh* (alif/hamzah, lam, alif dan ha') seperti *fī 'āl* (fa, 'ain, alif dan lam) lalu dimasukkan alif dan lam di awalnya menggantikan hamzah menjadikan ia Allah seperti perkataan *unās* menjadi *al-Nās*.
- Perkataan *lah* (lam, alif dan ha') lalu dimasukkan alif dan lam di awalnya sebagai mengagungkan. Ini adalah pandangan yang didokong Sibawaih.
- Perkataan *al-ilāh* (alif, lam, hamzah, lam dan ha') lalu *hazaf* atau dibuang hamzah dan dimasukkan lam yang pertama kepada lam yang kedua sebagaimana yang berlaku kepada perkataan *lākinnā* dalam surah *al-Kahf* 18:38. Ini adalah kata-kata atau bacaan yang dinukilkan dari al-Kisā'i, al-Farrā' dan al-Ḥassan.
- Perkataan *walāh* (wau, lam, alif dan ha') sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Qurtubi yang bermaksud Allah itu ialah Tuhan yang disalah tanggap akan hakikat dan sifat-sifat-Nya.
- Perkataan *alahtu* (alif/hamzah, lam, ha' dan ta') *ila fulān* iaitu *sakantu ilayhi* sebagaimana yang dinukilkan oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzi yang memberi maksud Allah itu ialah Tuhan yang segala akal tidak akan tenang kecuali apabila mengingatnya dan segala roh tidak akan bahagia kecuali mengenalinya kerana Dia adalah zat mutlak sempurna sebagaimana kehendak dari firman Allah SWT di dalam surah *al-Ra'd* 13:28.
- Perkataan *lāh* (lam, alif dan ha') *yalūhu* (ya', lam, wau dan ha') yang bermaksud *iza ihtajaba* iaitu apabila tidak terlihat.
- Perkataan *alaha* (alif/hamzah, lam dan ha') *al-faṣīl iz wala'a bi ummih* yang bermaksud merintah seorang anak kecil itu kepada ibunya. Justeru, Allah itu ialah Tuhan yang dirintah kepada-Nya pada setiap masa dan keadaan.
- Perkataan *alaha* (alif/hamzah, lam dan ha') *al-rajul ya'lahu* (ya, alif.hamzah, lam dan ha') *izā fazi'a min amr nazala bihi fa allahu* yang bermaksud apabila takut seseorang itu akan sesuatu yang turun kepadanya maka dia akan mempertahankannya.

Menurut Ibn Kathīr, al-Khalīl, Sibawaih, Fakhr al-Dīn al-Rāzi dan kebanyakan daripada kalangan ahli usul dan fuqaha memilih mengatakan bahawa lafaz perkataan "Allah" itu nama khas (*'alam*) yang tidak diambil daripada mana-mana perkataan sama sekali. Hujahnya, sekiranya lafaz perkataan "Allah" itu diambil daripada mana-mana perkataan nescaya akan berkongsi padanya maksud yang amat banyak. Selain itu, nama-nama lain yang disebutkan kepada Allah SWT seperti al-Rahman, al-Rahim, al-Mālik, al-Quddūs dan sebagainya adalah sifat-sifat bagi perkataan atau zat Allah SWT.

Kesimpulannya, lafaz perkataan "Allah" menurut Bahasa Arab ialah nama khas (*'alam*) yang menunjukkan kepada zat Tuhan Yang Maha Agung lagi Maha Tinggi, yang bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan dan nama tersebut tidak pernah dinamakan kepada selain-Nya. Selain itu, sekiranya pandangan yang mengatakan bahawa lafaz perkataan Allah itu adalah *isim mushtāq* diterima, maka ia turut memberi maksud bahawa Allah SWT itu ialah satu-satunya Tuhan yang diagungkan, yang disalah tanggap akan hakikat serta sifat-sifat-Nya, yang menjadi sumber kepada ketenangan segala akal serta kebahagiaan segala roh, yang bersifat mutlak kesempurnaan-Nya, yang tidak terlihat, yang dirintah kepada-Nya pada setiap keadaan dan yang dipertuhankan.

Maksud perkataan Allah dalam perdaban dunia dan agama-agama

Sesungguhnya lafaz perkataan "Allah" adalah berasal daripada perkataan Bahasa Arab atau telah masyhur digunapakai oleh masyarakat Arab. Bahasa Arab adalah salah satu daripada bahasa-bahasa Semitik atau *the Semitic languages* yang terdiri daripada bahasa Arab, Ibrani atau *Hebrew* dan Aramik atau *Aramaic*. Menurut catatan (S. M. M. Habeebi 2006: 2-4), *the Semitic languages* dianggap bahasa terkaya dunia kerana mempunyai persamaan fonetik, makna dan tatabahasanya. Antara kelebihan bahasa-bahasa Semitik ini ialah huruf konsonan yang ditulis sekali boleh disebut dua kali apabila konsonan bertemu vokal. Di antara ketiga-tiga bahasa-bahasa ini, bahasa Arab menduduki kedudukan teratas berdasarkan merit keaslian dan kuasa komunikasinya walaupun dinilai zaman sekarang. Adapun bahasa Ibrani dan Aramik telah melalui mutasi bahasa manakala bahasa Arab masih kekal sebutan dan konotasinya tetapi dalam masa yang sama tetap berkeupayaan serta dapat disesuaikan untuk pelbagai kegunaan.

Lafaz perkataan "Allah" hakikatnya telah wujud semenjak makhluk-makhluk dijadikan dan menjadi seruan semenjak para nabi serta rasul diutuskan. Allah SWT sendiri

yang menamakan akan diri-Nya. Kerana itu lafaz perkataan “Allah” itu hanya merujuk kepada zat Yang Maha Agung dan tidak mempunyai asal perkataannya serta tidak dapat diterjemahkan dalam mana-mana bahasa. Para nabi dan rasul utusan Allah SWT sama ada Isa AS (*al-Maidah* 5:72), Nuh AS (*al-A'raf* 7:59), Hud AS (*al-A'raf* 7:65), Salih AS (*al-A'raf* 7:73), Shuib AS (*al-A'raf* 7:85) dan semuanya (*al-Nahl* 16:36) membawa seruan "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut".

Kerana itu lafaz perkataan “Allah” dapat dikesan wujud pada bahasa-bahasa Semitik (i.i. Arab, Ibrani dan Aramik) atau sekurang-kurangnya wujud nama lain yang maksudnya hanya layak disifatkan kepada zat Allah SWT pada bahasa-bahasa selain bahasa-bahasa Sematik. Lafaz perkataan “Allah” itu bersifat universal atau sejagat pada lafaz perkataan dan maksudnya. Lafaz perkataan “Allah” itu unggul, hebat, suci dan unik. Secara linguistik, maksud lafaz “Allah” terbina dan terpelihara secara dalaman (“*built-in*”) dalam apa juga bahasa akan maksud keesaan dan keagungan zat yang dinamakan dengannya. Sekurang-kurangnya, kalau difahami dengan bahasa Arab lafaz perkataan “Allah” itu hanya bersifat Esa, tidak boleh diumumkan atau dibanyakkan, tidak bersifat lelaki atau wanita dan bersifat dengan segala sifat-sifat keagungan (Amriah Buang 2010).

Dalam bahasa Ibrani lafaz perkataan “Allah” disebut dan ditulis dengan “Eloh” atau “Elah”. Menurut ajaran Yahudi, walaupun nama bagi Tuhan itu ditulis tetapi ia adalah terlalu suci untuk diungkapkan. Kerana itu sebutan sebenar bagi lafaz perkataan “Allah” hilang dengan berlalunya tempoh yang melebihi 2000 tahun. Justeru, lafaz perkataan “Allah” kemudian disebut sebagai “Eloh” atau “Elah”. Perkara ini dibuktikan dengan teori yang ada bahasa Sematik bahawa huruf konsonan yang ditulis sekali boleh disebut dua kali apabila konsonan bertemu vokal. Ini menjadikan huruf lam atau L itu disebutkan dua kali sehingga menjadikan sebutannya sebagai “Allah”. Selain itu, Yahudi turut menyebut dengan “Elohim” yang berasal daripada lafaz “Eloh” yang ditambah dengan “-ym”. Ia merujuk lafaz seruan dan rintihan sepertimana lafaz “Allāhumma” yang digunakan oleh penganut agama Islam (S. M. M. Habeebi 2006: 4-7).

Menurut pemahaman dari sudut bahasa Ibrani serta kitab suci Yahudi iaitu Perjanjian Lama, lafaz perkataan “Eloh”, “Elah” dan “Elohim” adalah perkataan tunggal yang hebat dan agung (*a Majestic singular noun*). Ia adalah pernyataan yang mengungkapkan keagungan. Lafaz-lafaz perkataan ini hanya merujuk kepada Tuhan sebenar dan tidak boleh diumumkan atau dijamakkan. C. L. Seow dan Ethelyn Simon menegaskan bahawa lafaz “Elohim” apabila dirujuk kepada Tuhan orang Israel maka ia sentiasa mufrad atau *singular* pada konsep

walaupun ada penambahan terhadap perkataan tersebut diujungnya untuk menunjuk kepada jamak atau *plural* (S. M. M. Habeebi 2006: 7).

Sesungguhnya, lafaz perkataan “Allah” atau sebutan lain yang hampir dengannya seperti “Eloh”, “Elah” dan “Elohim” mungkin dapat dikesan wujud dalam bahasa-bahasa Semantik. Huruf-huruf dan sebutan bagi perkataan-perkataan tersebut tidak jauh dengan lafaz perkataan “Allah” dan sebutannya. Ada pun dalam bahasa-bahasa selain rumpun Semantik, perkataan atau sebutan bagi Allah itu mungkin lain tetapi maksud daripada setiap perkataan itu khusus merujuk kepada sifat-sifat dan zat bagi Allah SWT. Perkara ini diperjelaskan oleh Ahmed Deedat di dalam buku kecil “What is His name?” (2001) secara panjang lebar.

Antaranya, menurut bahasa masyarakat Afrika Selatan yang berbangsa Zulu, Tuhan mereka disebut dengan *uMveninqangi*. Perkataan ini apabila disebut atau dituturkan menurut dialek Zulu berbunyi seumpama perkataan *Allegany* yang disebutkan oleh *Red Indians* yang berada di Utara Amerika. Keduanya berbunyi seumpama *al-Ghani* dalam bahasa Arab yang bermaksud Yang Maha Kaya.

KONSEP KETUHANAN DALAM AGAMA-AGAMA

Kepercayaan, pengamalan dan kerohanian adalah tiga aspek penting yang wujud di dalam setiap agama. Di dalam aspek kepercayaan, konsep ketuhanan adalah perkara penting yang dibicarakan sehingga konsep ini menjadi faktor pengkategorian agama-agama di dunia ini kepada animisme (i.i. kepercayaan bahawa setiap benda seperti batu, kayu dan lain-lain mempunyai semangat atau roh), politeisme (i.i. kepercayaan kepada lebih daripada satu Tuhan) dan monoteisme (i.i. kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu).

Secara umum, konsep ketuhanan di dalam agama-agama difahami dan dipraktikkan sesuai dengan istilah-istilah seperti monoteisme (i.i. kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu), moniteisme (i.i. kepercayaan bahawa segala sesuatu adalah Tuhan), panteisme (kepercayaan bahawa Tuhan melimpah ke dalam alam atau Tuhan itu berada di mana-mana), paneteisme (kepercayaan bahawa Tuhan melimpah ke dalam alam dan bersifat maha suci), henoteisme (i.i. penyembahan kepada satu Tuhan tetapi tidak menafikan yang lain), oligateisme (i.i. penyembahan kepada tuhan-tuhan yang dipilih), politeisme (i.i. kepercayaan dan penyembahan kepada lebih daripada satu Tuhan) (Hussain Othman 2009: 55).

Dalam wacana kajian agama-agama, Edward Burnet Tylor sebagai contoh menyatakan bahawa agama itu bermula dengan animisme, kemudian politeisme dan berakhir dengan monoteisme. Sebahagian sarjana menyusunnya dengan lebih terperinci iaitu bermula dengan

animisme, politeisme, oligateisme, henoteisme, monoteisme dan moniteisme. Namun, dua istilah utama iaitu monoteisme dan politeisme cukup untuk menjelaskan kesemua konsep ketuhanan ini sama ada kepercayaan kepada tuhan yang satu atau kepercayaan kepada tuhan yang banyak (Hussain Othman 2009: 55).

Jadual I Konsep ketuhanan di dalam agama-agama

Istilah	Pengertian
Animisme	Kepercayaan bahawa setiap benda seperti batu, kayu dan lain-lain mempunyai semangat atau roh
Monoteisme	Kepercayaan bahawa Tuhan itu hanya satu
Moniteisme	Kepercayaan bahawa segala sesuatu adalah Tuhan
Panteisme	Kepercayaan bahawa Tuhan melimpah ke dalam alam atau Tuhan itu berada di mana-mana
Paneteisme	Kepercayaan bahawa Tuhan melimpah ke dalam alam dan bersifat maha suci
Henoteisme	Penyembahan kepada satu Tuhan tetapi tidak menafikan yang lain
Oligateisme	Penyembahan kepada tuhan-tuhan yang dipilih
Politeisme	Kepercayaan dan penyembahan kepada lebih daripada satu Tuhan

Konsep Monoteisme dan Politeisme

Theism adalah perkataan bahasa Inggeris yang berasal daripada perkataan Greek bermaksud kepercayaan kepada Tuhan. Manakala perkataan awalan *mono* bermaksud satu atau esa dan *poly* bermaksud banyak atau pelbagai. Justeru, *monotheism* atau monoteisme bermaksud kepercayaan kepada Tuhan yang satu dan *polytheism* atau politeisme bermaksud kepercayaan kepada Tuhan yang banyak. Tafsiran terhadap kedua konsep ketuhanan yang utama ini bergantung kepada konsep-konsep ketuhanan yang wujud di dalam setiap agama. Selain ia ditafsirkan berdasarkan sumber yang dimiliki sama ada sumber wahyu, falsafah atau adat. Tafsiran-tafsiran konsep ketuhanan dalam agama-agama tersebut boleh diteliti sama ada melalui sumber kitab-kitab suci, tulisan atau catatan pemikiran falsafah, lirik lagu atau nyanyian keagamaan, cerita lisan, hikayat, budaya dan adat warisan.

Menurut Hussain Othman (2009: 55-57), monoteisme mempunyai beberapa bahagian dan pengertian. Pertama, *monotheism in practice* iaitu mempercayai pelbagai tuhan atau dewa tetapi hanya menyembah yang satu. Kedua, *monotheism in theory* iaitu mempercayai satu tuhan secara teori tetapi secara praktis menyembah tuhan yang pelbagai. Ketiga, *speculative monotheism* iaitu pemikiran yang menggabungkan semua tuhan yang dipercayai menjadi satu. Keempat, *absolute monotheism* iaitu kepercayaan, penyerahan dan praktis mutlak kepada Tuhan yang satu.

Politeisme turut mempunyai beberapa bahagian dan pengertian. Pertama, *paradoxes of good and evil* iaitu kepercayaan wujud dua kuasa tuhan yang berlawanan antara satu sama lain. Kedua, *pantheism* iaitu kepercayaan bahawa Tuhan itu berada di mana-mana dalam alam dan cakerawala. Ketiga, *attributes* iaitu sifat dan perbuatan tuhan yang dipercayai lalu dipisah menjadikan tuhan yang pelbagai. Keempat, *spirits* iaitu kepercayaan kepada semangat dan roh yang dapat memberikan manfaat dan mudarat.

Umumnya, konsep ketuhanan itu sama ada monoteisme iaitu kepercayaan kepada tuhan yang satu atau politeisme iaitu kepercayaan kepada tuhan yang banyak. Sekiranya diteliti, agama samāwī atau agama langit konsep ketuhanannya ialah monoteisme sehinggalah berlaku penyelewengan yang membawa kepada politeisme. Manakala agama wadhā'ī atau agama budaya, konsep ketuhanannya adalah politeisme sehinggalah berlaku pembaharuan kepada monoteisme. Kerana itu, hampir kesemua agama mengakui bahawa agama tersebut adalah monoteisme walaupun secara teori atau praktik kelihatan sebagai agama politeisme.

KESAHAN PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH DALAM AGAMA-AGAMA

Kesahan penggunaan nama Allah di dalam artikel ini adalah merujuk kepada perbahasan linguistik dan teologi. Berdasarkan kepada perbahasan linguistik, Kalimah Allah walaupun kini telah digunapakai oleh seluruh masyarakat Islam di seluruh dunia namun ia adalah berasal daripada perkataan Bahasa Arab. Justeru, kalimah Allah yang mahu digunapakai mestilah sesuai dengan maksud sebenar kalimah ini menurut Bahasa Arab.

Menurut bahasa Arab, kalimah Allah itu sama ada isim jāmid iaitu kata nama yang tidak diambil daripada perkataan lain atau isim mushtāq iaitu kata nama yang terjadi atau diambil dari perkataan lain. Namun, kebanyakan ahli usul dan fuqaha memilih mengatakan bahawa lafaz perkataan "Allah" itu adalah nama khas (‘alam) yang tidak pernah dinamakan kepada selain zat-Nya dan isim jāmid yang tidak diambil daripada mana-mana perkataan sama sekali. Walaupun begitu, sekiranya pandangan yang mengatakan bahawa lafaz perkataan Allah itu adalah isim mushtāq diambil kira, maka ia turut memberi maksud bahawa Allah SWT itu ialah satu-satunya Tuhan atau Zat yang diagungkan, yang disalah tanggapan hakikat serta sifat-sifat-Nya, yang menjadi sumber kepada ketenangan segala akal serta kebahagiaan segala roh, yang bersifat mutlak kesempurnaan-Nya, yang tidak terlihat, yang dirintah kepada-Nya pada setiap keadaan dan yang dipertuhankan.

Ada pun kalimah Allah menurut perbahasan teologi, maka ia amat berkait dengan perbahasan linguistik sebagaimana yang telah dibawakan. Dengan maksud, menurut

perbahasan teologi, kalimah Allah hanya boleh dirujuk kepada sembah Tuhan atau Zat Yang Satu, yang diagungkan, yang hakikat serta sifat-sifat-Nya tidak dapat ditanggapi, yang menjadi sumber kepada ketenangan segala akal serta kebahagiaan segala roh, yang bersifat mutlak kesempurnaan-Nya, yang tidak terlihat, yang dirintah kepada-Nya pada setiap keadaan dan yang dipertuhankan. Ciri-ciri ini dalam konsep ketuhanan dan perbahasan teologi hanya merujuk kepada konsep monoteisme. Namun, konsep monoteisme yang dikehendaki di sini ialah *absolute monotheism* iaitu kepercayaan, penyerahan dan praktis mutlak kepada Tuhan yang satu. Bukan *monotheism in practice*, *monotheism in theory* atau *speculative monotheism*.

Monoteisme Mutlak dalam Agama Samāwī

Monoteisme mutlak atau *absolute monotheism* menurut Islam secara mudahnya merujuk kepada maksud dan kefahaman terhadap isi kandungan surah *al-Ikhlās*. Sesungguhnya Allah SWT itu tunggal, tempat tumpuan atau pergantungan seluruh makhluk dalam memohon sebarang keperluan, Dia tidak melahirkan dan tidak dilahirkan dan tiada sesuatu pun yang serupa atau sebanding dengan-Nya. Selain itu, konsep keesaan Tuhan dalam Islam menurut metode pengajian akidah Ashairah dan Maturidiyyah meliputi maksud bahawa Tuhan itu bersifat atau disifatkan dengan tawhid al-dzāt iaitu keesaan dari sudut zat, tawhid al-af'āl iaitu keesaan dari sudut perbuatan dan tawhid al-ṣifāt iaitu keesaan dari sudut sifat. Pemahaman terhadap tawhid al-dzāt, tawhid al-af'āl dan tawhid al-ṣifāt melahirkan hamba yang mengenali, menyembah dan mengabdikan diri kepada Tuhannya secara solid dan total tanpa sebarang kesamaran.

Jadual II Konsep asas monoteisme mutlak dalam Islam

Konsep	Hasil pemahaman
Tawhid al-dzāt	Pemahaman keesaan Allah SWT dari sudut zat melahirkan hamba yang benar-benar mengenali Tuhannya yang bersifat Maha Lain seterusnya menyembah Tuhannya (Allāh al-Aḥad).
Tawhid al-af'āl	Pemahaman keesaan Allah SWT dari sudut perbuatan melahirkan hamba yang benar-benar mengenali dirinya serta mengenali Tuhannya seterusnya memahami bahawa hanya Tuhannya sahaja yang Maha Berkuasa, Maha Berkehendak dan tempat pergantungan segala makhluk (Allāh al-Ṣamad).
Tawhid al-ṣifāt	Pemahaman keesaan Allah SWT dari sudut sifat-sifat melahirkan hamba yang benar-benar mengetahui dan memahami keagungan, kesempurnaan dan keindahan Tuhannya melalui sifat-sifat-Nya seterusnya hanya memuja dan memuji terhadap Tuhannya (al-A'raf 7: 180).

Ada pun dalam agama samāwī atau agama langit yang lain itu Yahudi dan Kristian, walaupun konsep monoteisme mutlak atau *absolute monotheism* dinisbahkan kepada kedua-dua agama ini tetapi konsep tersebut dilihat tidak jelas dan mempunyai kesamaran. Sebagai contoh, zat, perbuatan dan sifat Tuhan yang wujud dalam kedua-dua agama ini tidak mencerminkan bahawa Tuhan itu bersifat dengan al-Aḥad (i.i. Tunggal atau Esa pada zat, perbuatan dan sifat) dan al-Ṣamad (i.i. tempat pergantungan dan pengharapan sekalian makhluk). Bahkan secara jelas dinyatakan di dalam Bible bahawa Tuhan itu tidak berkuasa sepenuhnya serta bersifat dengan sifat-sifat mahluk.

Sebagai contoh, Keluaran 33: 20 (Alkitab Berita Baik 2001) menyatakan: “*Engkau tidak boleh melihat wajah-Ku kerana tiada manusia yang tetap hidup setelah melihat wajah-Ku.*”. Ayat ini bercanggah dengan Keluaran 24: 9-10: “*Selepas itu Musa, Harun, Nadab, Abihu dan tujuh puluh orang pemimpin itu mendaki gunung. Lalu mereka nampak Allah Israel. Dia berdiri di atas sesuatu seperti lantai daripada batu nilam yang biru seperti langit cerah.*”. Selain itu, Kejadian 32: 22-32 mengisahkan bahawa Tuhan itu lemah kerana tewas bergusti dengan Yakub lalu memberkatinya dengan nama Israel. Manakala Markus 12: 29 dan Matius 27: 46 pula menyatakan bahawa Tuhan itu Esa dan ia amat bercanggah dengan konsep Trinitas dalam Kristian.

Berdasarkan penelitian awal terhadap konsep ketuhanan dalam agama-agama, hanya agama Islam yang benar-benar jelas, tepat, sesuai dan tiada kesamaran konsep ketuhanannya dengan konsep monoteisme mutlak atau *absolute monotheism*.

KESIMPULAN

Sesungguhnya polemik isu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam di negara ini bukanlah sesuatu yang baharu tetapi telah bermula seawal tahun 80-an apabila Kabinet Malaysia telah memutuskan larangan penggunaan kalimah Allah, Kaabah, Baitullah dan Solat oleh bukan Islam pada 5 Disember 1986. Polemik ini kemudian dihangatkan semula apabila Gereja Katolik memohon Mahkamah Tinggi untuk melakukan semakan kehakiman pada 9 Mac 2008 dan Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan & Kuasa-Kuasa Khas) membuat keputusan membenarkan permohonan Gereja Katolik untuk membuat semakan pada 5 Mei 2008. Kemuncaknya, pada tahun 2013 polemik isu penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam ini dihangatkan semula sehingga membuahkan hasil kajian bertulis sama ada buku, risalah, brosur dan sebagainya.

Namun, hasil penelitian penulis terhadap tulisan-tulisan berkaitan menimbulkan rasa bahawa penghujahan yang dibawakan lebih bersifat berkecenderungan terhadap Islam. Justeru, penulis cuba membincangkan isu keabsahan penggunaan kalimah Allah SWT oleh bukan Islam dari sudut lain iaitu menurut perbahasan linguistik dan teologi.

Menurut perbahasan linguistik, kalimah Allah berasal daripada perkataan bahasa Arab. Justeru, maksud sebenar kalimah ini perlu dirujuk kepada bahasa Arab. Menurut bahasa Arab, kalimah Allah itu sama ada isim jāmid atau isim mushtāq. Kebanyakan ahli usul dan fuqaha memilih mengatakan bahawa lafaz perkataan "Allah" itu adalah nama khas ('alam) yang tidak pernah dinamakan kepada selain zat-Nya dan isim jāmid yang tidak diambil daripada mana-mana perkataan sama sekali. Pun begitu, sekiranya dikatakan bahawa lafaz perkataan Allah itu adalah isim mushtāq, maka ia turut memberi maksud bahawa Allah SWT itu ialah satu-satunya Tuhan atau Zat yang diagungkan, yang disalah tanggap akan hakikat serta sifat-sifat-Nya, yang menjadi sumber kepada ketenangan segala akal serta kebahagiaan segala roh, yang bersifat mutlak kesempurnaan-Nya, yang tidak terlihat, yang dirintah kepada-Nya pada setiap keadaan dan yang dipertuhankan.

Ada pun menurut perbahasan teologi, maka penggunaannya mestilah sesuai dengan maksud Allah di dalam perbahasan linguistik khususnya bahasa Arab. Sama ada maksud kalimah Allah itu berdasarkan pandangan ia sebagai isim jāmid atau isim mushtāq. Berdasarkan perbahasan linguistik dan kesesuaiannya dengan perbahasan teologi, hanya Tuhan yang berkonsepkan dengan monoteisme mutlak atau absolute monotheism boleh dinamakan dengan Allah. Berdasarkan penelitian terhadap konsep ketuhanan dalam agama-agama, hanya agama Islam yang benar-benar jelas, tepat, sesuai dan tiada kesamaran konsep ketuhanannya dengan konsep monoteisme mutlak atau *absolute monotheism*.

RUJUKAN

- Ahmed Deedat. 2001. *What is His Name?*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn. Bhd.
- Ahmad Dzikran. 2013. *Kalimah Allah Untuk Siapa?*. Kuala Lumpur: Al-Mihrab Publications.
- Alkitab Berita Baik. 2001. Selangor: The Bible Society of Malaysia.
- Amriah Buang. 2010. *Mengapa Kalimah Allah?*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hussain Othman. 2009. *Wacana Asasi Agama dan Sains*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

- Ibn Kathir, Isma‘īl bin Kathīr. 2000. *Tafsīr al-Qur’an al-‘Azīm*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Institut Perkembangan Minda. 2010. Mempertahankan Keagungan Kalimah Allah. Norizan Sharif, Mohd Yusof Din & Ahmad Syahir Sarani (Ed). Shah Alam: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Kamus Dewan*. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2013. Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Md. Asham Ahmad. 2010. Kalimah Allah: Antara Nama dan Hakikat. Kertaskerja Muzakarah Pakar Terjemahan God Sebagai Allah: Mengenalpasti Punca Permasalahan dan Penyelesaian. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur, 21 Januari.
- Md. Asham Ahmad. 2010. Antara Nama dan Hakikat Kemelut Nama Allah. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohd Sani Badron. 2010. God Kristian Gunakan Nama Khas Allah: Menyalahguna Istilah, Mengelirukan Agama. Kertaskerja Muzakarah Pakar Terjemahan God Sebagai Allah: Mengenalpasti Punca Permasalahan dan Penyelesaian. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dewan Besar IKIM, Kuala Lumpur, 21 Januari.
- Muhammad Arifin Ismail & Khalif Muammar. 2013. Isu Kalimah Allah. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Syed Mohammed Mohuddin Habeebi Syed Ahsan Habibi. 2006. *Beautiful Names of Allah*. Kuala Lumpur: A. S. Noordeen.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, Rashidy Jamil al-Rashid & Mohd Aizam Mas’od. 2013. Kalimah Allah Isu dan Penyelesaiannya. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.